




Loji efluen berpusat di kawasan industri

November 30, 2021 @ 12:41pm



Tuan Ibrahim (kanan) diiringi Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang meninjau Sungai Langat pada majlis perasmian Denai Sungai Langat di Bandar Baru Bangi, hari ini. - Foto BERNAMA

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m [Pelbagai jenis dadah bernilai RM116,000 dirampas](#)
- 17m [Harta Sajat dilelong semula](#)
- 20m [KPLB utamakan penerima PPRT daripada senarai eKasi](#)
- 29m [LRA Sungai S...nyih dihenti tugas](#)
- 34m [Pengembara dari UK wajib buat ujian sendiri setiap hari](#)
- 39m [Hyundai Palisade dilancar, harga bermula RM328,888](#)
- 44m [Lebih 1,400 polis bertugas Sabtu ini](#)
- 47m [Tentera Syria terbunuh dalam serangan Israel](#)



BANGI: Kerajaan merancang untuk membangunkan lebih banyak loji efluen industri berpusat di kawasan perindustrian, di samping menggiatkan program Denai Sungai Kebangsaan (DSK) dalam usaha melestarikan sungai.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) setiap lokasi yang diwartakan sebagai kawasan perindustrian akan dibangunkan dengan sistem pembuangan berpusat yang mengawal sisa pembuangan kilang.

"Sistem itu akan mengawal punca (sisa) sebelum turun ke sungai. Dengan cara ini, ia boleh elak sungai daripada tercemar oleh pembuangan sisa kilang," katanya pada sidang media selepas melancarkan Denai Sungai Langat di sini, hari ini.

Katanya pembangunan denai di sepanjang sungai pula berpotensi mengelak pencerobohan dan pencemaran terutama pembuangan sisa oleh lori.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Hentikan produk plastik bermasalah tiga tahun lagi**
- **Guna efluen terawat IWK untuk landskap tanaman**
- **Dagangan karbon domestik dilaksana secara berfasa**
- **Syarikat pengangkutan didenda RM2,000 buang sisa binaan secara haram**

Tuan Ibrahim berkata, projek Denai Sungai Langat adalah titik permulaan program DSK, yang akan menyaksikan kawasan rizab sungai dibangunkan sebagai kawasan rekreasi bagi merangsang aktiviti ekonomi berasaskan alam sekitar seperti ekopelancongan sungai.

Beliau berkata, Denai Sungai Langat sejauh empat kilometer ketika ini berpotensi untuk ditambah jaraknya sehingga menjadi 50 kilometer, memasuki kawasan Putrajaya.

Katanya, Kementerian Alam Sekitar dan Air mensasarkan pembinaan DSK sepanjang 10,000 kilometer menjelang 2030. - BERNAMA

VAKSIN



NASIONAL Dis 15, 2021 @ 6:11pm

Seorang delegasi Blinken positif COVID-19



NASIONAL Dis 15, 2021 @ 3:19pm

Jangan 'cacatkan' pindaan akta - Khairy



NASIONAL Dis 15, 2021 @ 2:47pm

Blinken puji cara Malaysia kendali COVID-19



LAIN-LAIN (DUNIA)

Dis 14, 2021 @ 11:26am

Moderna akan hasilkan jutaan dos vaksin mRNA di Australia



ASEAN Dis 14, 2021 @ 11:05am

Indonesia mulakan vaksinasi kanak-kanak 6-11 tahun

AMERIKA Dis 14, 2021 @ 9:46am